



# **Cambridge IGCSE™**

---

**MALAY**

**0546/13**

Paper 1 Listening

**May/June 2022**

TRANSCRIPT

**Approximately 50 minutes (including 6 minutes' transfer time)**

---

---

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

E Cambridge Assessment International Education, Cambridge IGCSE, June 2022 examination in Malay. Paper 1, Listening.

**M1 Soalan-soalan 1 hingga 8**

**M1** Anda akan mendengar beberapa rakaman ringkas.

**M1** Anda akan mendengar setiap rakaman sebanyak dua kali.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak jawapan yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

(*Pause 3 seconds.*)

**M1** Anda akan pergi ke taman haiwan bersama keluarga anda.

**M1 Soalan 1**

**M1** Anda mahu tahu bagaimana anda akan pergi ke sana. Ibu berkata:

**F1** \* Kita akan menaiki kereta.

**M1** Bagaimakah anda akan pergi? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 2**

**M1** Anda tiba di taman haiwan dan berasa panas. Kakak anda berkata:

**F1** \* Awak boleh guna payung ini.

**M1** Apakah yang anda boleh guna? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 3**

**M1** Anda nampak monyet. Ibu berkata:

**F1** \* Kita boleh beri kacang kepada monyet ini.

**M1** Apakah yang boleh diberi kepada monyet? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 4**

**M1** Kakak anda ingin melihat haiwan kegemarannya. Kakak berkata:

**F1** \* Mari kita lihat harimau.

**M1** Kakak mahu melihat apa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 5**

**M1** Di depan kandang kancil, ibu berkata:

**F1** \* Elok kalau kita bergambar di sini.

**M1** Mereka akan buat apa di situ? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 6**

**M1** Kakak anda berkata:

**F1** \* Saya sakit kepala.

**M1** Kakak anda sakit apa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 7**

**M1** Semasa berjalan keluar, anda terdengar pengumuman ini:

**F1** \* Sila keluar ikut pintu di sebelah kafe.

**M1** Mereka harus keluar ikut pintu di sebelah apa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 8**

**M1** Di luar taman haiwan, kakak anda memberitahu ibu:

**F1** \* Saya mahu makan aiskrim.

**M1** Ke manakah mereka mesti pergi? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 9 hingga 14**

**M1** Anda akan mendengar satu pengumuman tentang suatu acara istimewa. Anda akan mendengar pengumuman ini sebanyak dua kali.

**M1** Pengumuman akan dihentikan seketika.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(Pause 30 seconds.)

**F1** \* Tuan-tuan dan puan-puan. Selamat datang ke Hari Sukan sekolah kami. Ada banyak acara sukan yang akan berlangsung di padang sekolah kami. Kami sediakan khemah untuk ibu bapa menonton anak-anak mereka berlumba.

**F1** Acara waktu pagi ialah untuk para pelajar sekolah rendah; ini termasuk lumba lari dan lumba lari dalam guni. Acara petang ialah untuk para pelajar sekolah menengah. Acara termasuk lontar lembing dan lompat pagar.

**F1** Acara untuk ibu bapa dan guru-guru diadakan pada akhir hari ini. Acara termasuk lumba lari. Hadiah menarik untuk ibu bapa yang menang termasuk bakul makanan sumbangan Pasaraya Anisa!

(Pause 5 seconds.)

**F1** Gerai makanan disediakan di bawah khemah di belakang sekolah. Kalau sesiapa memerlukan bantuan kecemasan, sila pergi ke bilik bantuan kecemasan yang terletak di tepi bilik guru.

**F1** Sepanjang hari ini, beberapa orang pelajar akan mengutip derma daripada sesiapa yang sudi menderma. Wang kutipan ini ialah untuk dewan sukan sekolah kami.

**F1** Acara terakhir pada pukul 5 petang ialah penyampaian hadiah selepas acara tarik tali antara guru-guru dan ibu bapa. Anda semua diminta sama-sama menyaksikan majlis ini sebelum pulang. \*\*

(Pause 10 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar pengumuman ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 15 hingga 19**

**M1** Anda akan mendengar dialog antara Maria dan Aru tentang pilihan pekerjaan sementara yang sedang dipertimbangkan oleh mereka dan kawan-kawan mereka semasa cuti sekolah.

**M1** Anda akan mendengar dialog ini sebanyak dua kali.

**M1** Padankan nama dengan kenyataan yang betul **A**, **B**, **C**, **D**, **E** atau **F**. Bagi setiap nama, tulis huruf yang betul **A** hingga **F** di atas garis jawapan.

**M1** Anda mempunyai beberapa saat untuk membaca maklumat.

(Pause 30 seconds.)

**M1** \* Hi Maria. Ramai kawan-kawan kita akan membuat pekerjaan sementara semasa cuti sekolah ini.

**F1** Ya, saya dengar Tommy akan bekerja dengan bapa saudaranya di syarikat pelancongan. Tommy boleh bercakap banyak bahasa asing dan dia memang sesuai dengan pekerjaan itu.

**M1** Baguslah. Bagaimana dengan kamu Maria?

**F1** Saya sudah buat banyak pekerjaan dan sekarang saya mahu cuba sesuatu yang baharu seperti pembantu pustakawan. Saya minat membaca buku dan bekerja di perpustakaan memberikan saya ketenangan.

**M1** Saya pernah bekerja di kedai buku. Memang banyak juga buku yang saya baca. Bagaimana dengan Raju?

**F1** Raju memberitahu saya dia sudah membuat permohonan untuk bekerja sebagai wartawan muzik di sebuah media dalam talian. Dia memang suka menulis dan berjumpa dengan selebriti. Memang sesuai bagi dia.

**M1** Saya nampak iklan di akhbar tempatan. Sebuah syarikat memerlukan seorang pelukis untuk majalah mereka.

**F1** Oh, kita mesti beritahu Anisah mengenai iklan ini sebab dia memang pandai melukis. Lukisan-lukisannya sudahpun diguna oleh pelbagai media dalam talian. Dia boleh melukis pelbagai benda.

**M1** Ya, saya pasti dia akan dapat pekerjaan itu. Dia sungguh mesra.

**F1** Ya, saya setuju. Seorang lagi kawan kita, Malik, yang sungguh pandai dalam bidang Teknologi Maklumat sudah mendapat jawapan daripada sebuah syarikat yang memerlukan orang yang mahir dalam bidang ini. Malik sudah biasa mengendalikan bidang teknologi maklumat di sekolah kita. \*\*

(Pause 10 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar perbualan ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 20 hingga 28**

**M1** Anda akan mendengar satu temubual dengan Salina, seorang anggota masyarakat Portugis di Malaysia. Temubual ini terdapat dalam dua bahagian.

**M1** Rakaman dihentikan sekejap selepas bahagian pertama sebelum bahagian kedua dimulakan.

**M1 Bahagian 1: Soalan-soalan 20 hingga 24**

**M1** Anda akan mendengar bahagian pertama perbualan ini sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 20 hingga 24**.

(Pause 30 seconds.)

**M1** \* Helo Salina.

**F1** Helo.

**M1** Boleh beritahu lebih lanjut tentang Minggu Budaya Portugis yang anda anjurkan?

**F1** Tujuan acara ini ialah untuk memberi kesedaran tentang sejarah hubungan Malaysia dengan Portugal dan mempamerkan peninggalan mereka.

**M1** Boleh terangkan lagi tentang budaya masyarakat anda?

**F1** Kami adalah anggota kesatuan Kristang. Budaya kami kaya dengan pengaruh pelbagai kaum kerana keturunan kami adalah hasil dari perkahwinan orang Portugis dengan orang tempatan. Kami fasih berbahasa Melayu dan memasak masakan Melayu walaupun kami ada masakan kami sendiri.

**M1** Apakah yang diadakan dalam program ini?

**F1** Cef Alfonso dari Portugal akan menyertai program ini dan berdialog dengan cef di Malaysia mengenai perbezaan dan persamaan masakan kita, diikuti dengan demonstrasi masakan.

**M1** Boleh ceritakan tentang seni budaya anda?

**F1** Muzik adalah sebahagian besar budaya kami. Begitu juga tarian seperti tarian Branyo dan Farrapeira yang merupakan tarian rakyat Portugis. Ada juga tarian yang serupa dengan tarian joget Melayu.

**M1** Siapakah yang membiayai program ini?

**F1** Biasanya kami mengumpul dana daripada ahli kami sendiri tetapi tahun ini konsulat Portugis di sini telah bersetuju untuk membiayai program ini sepenuhnya. \*\*

(Pause 15 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian pertama temubual ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.)

**M1 Bahagian 2: Soalan-soalan 25 hingga 28**

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temubual dengan Salina sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 25 hingga 28**.

(*Pause 30 seconds.*)

**M1** \*\*\* Bilakah Salina terlibat dalam kegiatan ini?

**F1** Semasa saya melawat saudara mara bapa di Portugal, banyak yang saya pelajari mengenai sejarah Tanah Melayu dan Portugal. Saya melihat surat-surat lama pemerintah dunia Melayu di muzium di sana. Saya khuatir apabila generasi tua sudah tidak ada, sejarah kami akan lesap.

**M1** Bagaimanakah sambutan golongan muda?

**F1** Mereka belajar tarian-tarian dan ikuti bengkel masakan. Sekarang anak saya giat menari. Kami mengiklankan acara-acara kami dalam akhbar tetapi kami mendapat sambutan yang paling banyak daripada semua lapisan umur melalui media sosial.

**M1** Apa perasaan Salina melihat anak bergiat dalam budaya ini?

**F1** Saya bangga melihat dia menunjukkan minat terhadap budaya kami. Semasa persembahan pertamanya saya rasa gementar tetapi dia berjaya menari dengan baik.

**M1** Apakah rancangan untuk masa depan?

**F1** Apabila selesai program Minggu Budaya Portugis, saya ingin anjurkan lawatan sambil belajar untuk generasi muda yang ingin mengenali asal usul mereka.

**M1** Terima kasih. \*\*\*\*

(*Pause 15 seconds.*)

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temubual ini untuk kali kedua.

(*Repeat from \*\*\* to \*\*\*\* then pause 15 seconds.*)

### **M1 Soalan-soalan 29 hingga 34**

**M1** Anda akan mendengar temubual dengan Razif tentang pengalamannya berbasikal dari Malaysia ke England. Anda akan mendengar temubual ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada tempat berhenti semasa temubual.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(*Pause 1 minute.*)

**F1** \* Razif berbasikal ke London dengan beberapa orang kawan. Apa tujuannya?

**M1** Saya memang berminat untuk menjelajahi dunia dan saya rasa mengembara dengan basikal tidak memakan belanja yang banyak. Saya juga seronok menonton dokumentari tentang pengembalaan yang mencabar, terutamanya mereka yang berbasikal.

**F1** Apakah persiapan Razif untuk pengembalaan ini?

**M1** Saya membaca banyak kisah orang yang berbasikal menjelajahi dunia dan saya rela berjimat untuk membeli sebuah basikal tahan lasak daripada menghabiskan wang untuk makan di luar dengan kawan-kawan. Saya lebih suka masak sendiri di rumah.

**F1** Ceritakan lagi tentang perjalanan anda.

**M1** Bermula dengan negara Thai dan negara-negara Asia Tenggara yang lain – kami tidak merasakan kelainannya sebab negara-negara ini agak serupa dengan Malaysia. Tetapi, semakin jauh kami mengayuh, semakin terasa perbezaan dari segi lanskap dan makanan. Saya sungguh kagum dengan India, Pakistan dan Iran. Walaupun ada ramai orang yang susah, mereka sangat bermurah hati dengan kami. Kami diraikan sebagai tetamu di rumah mereka.

(*Pause 15 seconds.*)

**F1** Negara manakah yang paling mencabar bagi anda?

**M1** Negara Cina. Memang susah untuk merentasi negara yang begitu besar dan luas. Cuaca sangat sejuk dan ada masanya kami langsung tidak boleh meneruskan perjalanan dan terkandas di hostel. Tetapi apabila cuaca lebih baik, kami rasa lebih bersemangat untuk meneruskan perjalanan untuk menikmati keindahan gunung-ganang dan tasik-tasik seperti dalam poskad.

**F1** Anda melalui banyak buah negara yang berlainan bahasa. Apakah ini satu masalah?

**M1** Ini memang satu cabaran. Kami memang ada aplikasi yang boleh menterjemah bahasa. Tetapi kebanyakan orang di kawasan desa bercakap loghat mereka sendiri yang tidak ada dalam kamus dalam talian. Tapi, saya tidak rasa bahasa menjadi rintangan kerana kami boleh berinteraksi menggunakan bahasa isyarat.

**F1** Apakah yang membuat anda bertiga meneruskan perjalanan yang penuh cabaran ini?

**M1** Tujuan kami ialah untuk melihat dunia dan kami sudahpun mencapai hasrat ini. Memang ada masa-masa kami rindukan keluarga; terutama sekali apabila tidak sihat, atau ingin masakan ibu. Ini merupakan satu pengembalaan yang penuh bermakna dan kami telah berkongsi pengalaman ini dengan anak-anak muda lain. Tidak lama lagi saya merancang untuk mengembara ke benua Afrika tetapi kali ini saya akan menaiki bas! Saya harap saya akan ada banyak lagi kisah menarik untuk dikongsikan.

**F1** Apakah pengalaman ini telah mengubah diri anda?

**M1** Pasti sekali!

**F1** Terima kasih, Razif. \*\*

(Pause 15 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar temubual ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 35 hingga 37**

**M1** Anda akan mendengar perbualan dengan Faizah, seorang jurulatih jasmani. Anda akan mendengar temubual ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada dua tempat berhenti semasa temubual ini.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam dua kotak yang betul **A**, **B**, **C**, **D** atau **E**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca kenyataan-kenyataan berikut.

(Pause 45 seconds.)

**M1** \* Faizah, boleh terangkan tentang studio anda untuk orang kurang upaya?

**F1** Studio ini membantu orang kurang upaya yang perlu latihan jasmani untuk mengelak berat badan meningkat dan memastikan mereka sihat.

**M1** Di mana studio anda?

**F1** Di pusat bandar. Tetapi bagi mereka yang keupayaan sangat terhad, saya pergi ke rumah mereka. Saya suka pekerjaan saya kerana boleh beri pelbagai rawatan kepada pelanggan bergantung kepada keadaan mereka.

**M1** Bagaimakah minat anda bermula?

**F1** Semuanya bermula dengan pengalaman saya sendiri. Bapa saya seorang yang kurang upaya dan dia sentiasa di hospital. Saya membesar membantu dia, lalu banyak yang saya pelajari sendiri.

(Pause 20 seconds.)

**M1** Anda ada saluran video sendiri?

**F1** Ya, saluran video ini ialah untuk sesiapa yang tidak dapat pergi ke studio dan bagi mereka yang ingin membantu pesakit atau orang kurang upaya.

**M1** Anda sungguh berdedikasi...

**F1** Apabila saya membuat sesuatu, saya akan bersungguh-sungguh. Sesetengah orang berpendapat bahawa pekerjaan saya ini sangat susah. Tapi bagi saya tidak. Saya sangat suka apa yang saya buat!

**M1** Anda pernah menceburi bidang lain?

**F1** Ya, saya pernah mengajar subjek Pendidikan Jasmani di sekolah. Pengalaman ini juga membantu saya dalam kerjaya saya sekarang ini.

**M1** Bagaimakah anda mendapat kemahiran anda?

**F1** Saya mendapat pinjaman wang dari bank untuk mengikuti kursus sambil menjaga bapa. Walaupun memakan masa yang lama, sekarang saya bangga kerana saya sudah berkelayakan sebagai jurulatih jasmani.

(Pause 20 seconds.)

**M1** Anda bekerja seorang diri?

**F1** Pada awalnya saya bekerja sendiri tetapi sekarang saya ada dua orang pembantu dan seorang pelatih.

**M1** Bagaimakah perkhidmatan anda diketahui orang?

**F1** Saya tidak perlu mengiklankan perkhidmatan saya kerana hospital-hospital tempatan sarankan pesakit mereka untuk terapi susulan kepada saya. Saya sangat sibuk; jadual saya sentiasa penuh. Walau bagaimanapun, saya kekal bersemangat.

**M1** Apakah kesan pada pelanggan?

**F1** Walaupun dengan sedikit pergerakan, mereka akan berubah sikap dan menjadi ceria dan bersikap positif.

**M1** Apakah lagi rancangan anda untuk masa depan?

**F1** Bapa saya sekarang membantu saya memperluaskan perkhidmatan kami dengan sebuah lagi pusat terapi. Saya harap kami berjaya!

**M1** Terima kasih, Faizah. \*\*

(Pause 45 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar temubual ini untuk kali kedua

(Repeat from \* to \*\* then pause 45 seconds.)

**E** There will now be six minutes for you to copy your answers onto the separate answer sheet. Follow the instructions on the answer sheet.

(Pause 6 minutes.)

**M1** Ujian tamat. Sila tutup buku jawapan anda.

**E** This is the end of the examination.

**BLANK PAGE**

---

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at [www.cambridgeinternational.org](http://www.cambridgeinternational.org) after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.